

## TAMPUK PENTADBIRAN NEGARA

Jawab semua soalan di bawah dengan betul dan tepat.


1. Siapakah ketua kerajaan Malaysia?

Ketua kerajaan Malaysia ialah

2. Siapakah yang melantik Perdana Menteri?



Perdana Menteri dilantik oleh

3. Susun sejarah kewujudan jawatan Perdana Menteri mengikut kronologi yang betul.





Pada 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah dilantik sebagai Perdana Menteri.

Jawatan Perdana Menteri ini telah dikekalkan selepas pembentukan Malaysia dan diteruskan sehingga hari ini.



Pada 27 Julai 1955, Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan telah diadakan. Pilihan raya ini diadakan sebagai langkah ke arah berkerajaan sendiri Persekutuan Tanah Melayu.

Kemenangan tersebut telah membolehkan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah dilantik sebagai Perdana Menteri.



Dalam pilihan raya tersebut, Parti Perikatan yang terdiri daripada United Malays Nation Organization (UMNO), Malayan Chinese Association (MCA) dan Malayan Indian Association (MIC) telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

4.  ialah proses mentadbir negara oleh orang tempatan sebelum mendapat kemerdekaan.

5. Lengkapkan jadual bidang tugas Perdana Menteri.

| Bidang Tugas Perdana Menteri    | Huraian                                                                                   | Gambar                                                                                |
|---------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
|                                 | Perdana Menteri akan menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam hal ehwal pentadbiran negara. |    |
| Pengiring Yang di-Pertuan Agong |                                                                                           |    |
|                                 | Perdana Menteri menjalankan pentadbiran negara bersama-sama dengan menteri.               |    |
| Pengerusi Mesyuarat Kabinet     |                                                                                           |   |
|                                 | Perdana Menteri akan melaksanakan semua dasar negara.                                     |  |
| Kebajikan Rakyat                |                                                                                           |  |

Perdana Menteri menjadi pengerusi Mesyuarat Kabinet bagi membincangkan dasar-dasar negara.

Perdana Menteri mempunyai tugas untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Perdana Menteri akan mengiringi Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja

Pelaksana Dasar Negara

Ketua Kabinet

Penasihat Yang di-Pertuan Agong